

Bilangan pelatih ke Jepun akan ditambah: PM

BM 28 APR 1991

(Y)

KUALA LUMPUR: Malaysia akan menambah bilangan pelatih ke Jepun, daripada 500 kepada 2,000 setiap tahun untuk mengikuti pelbagai kursus dan latihan, khususnya dalam bidang industri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pertambahan itu adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meneruskan Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan pada 1981.

Katanya, pertambahan itu juga membuktikan kesungguhan Malaysia melalui rakyat dalam bidang industri bagi memenuhi keperluan pembangunan negara.

Jumlah itu tidak termasuk pelajar universiti dan pelatih yang dibiayai sendiri oleh pihak bukan kerajaan seperti institusi atau syarikat Jepun.

Perkara itu dijelaskan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Majid Mohamed, kepada pemberita selepas mesyuarat tertutup di antara Datuk Seri Dr Mahathir dan Perdana Menteri Jepun, Encik Toshiki Kaifu, serta mesyuarat perwakilan Malaysia-Jepun di Jabatan Perdana Menteri

di sini, petang semalam.

Datuk Abdul Majid berkata, Encik Kaifu yang menghargai Dasar Pandang ke Timur menjanjikan sokongan dan bantuan untuk menerima lebih ramai pelatih Malaysia berkursus ke negaranya.

Mengenai bantuan kewangan Jepun kepada Malaysia, beliau berkata, Encik Kaifu memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa negaranya akan meneruskan dasar memberi bantuan, khususnya menjayakan projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan Malaysia akan mengagihkan pinjaman Jepun itu kepada beberapa projek dalam RM6 yang dikenal pasti.

"Encik Kaifu pula sudah mengarahkan pegawainya membincangkan segera perkara itu dengan pegawai Malaysia mengenai butir kewangan projek terbabit," katanya.

Mengenai langkah Jepun menghantar empat kapal pemusnah periuk api ke kawasan Teluk, Datuk Abdul Majid berkata, Malaysia membenarkan kapal berkenaan berlabuh di

Pulau Pinang kerana ia bertujuan mengekalkan keamanan antarabangsa.

"Datuk Seri Dr Mahathir memberi kebenaran itu kerana menyedari ia tidak mempunyai tujuan perangan, sebaliknya memusnahkan periuk api di kawasan yang menjadi medan Perang Teluk baru-baru ini. Tindakan itu membolehkan laluan perdagangan antarabangsa lebih selamat," katanya.

Menurutnya, Encik Kaifu yang turut berterima kasih kepada Malaysia kerana memberi kebenaran itu menyatakan Jepun tidak berhasrat sama sekali untuk menjadi kuasa tentera sebagaimana yang pernah berlaku dalam Perang Dunia Kedua.

Sehubungan itu, katanya, Encik Kaifu berkata: "Jepun sedar mengenai pengalaman pahit negara Asia yang terbabit dalam Perang Dunia Kedua. Oleh itu, Jepun tidak berhasrat menjadi kuasa tentera."

Mengenai pelancongan, Datuk Abdul Majid berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju supaya penerbangan terus Kuala Lumpur-Tokyo-Kuala Lumpur ditingkatkan.